**KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA**
***DIRECTOR GENERAL OF IMMIGRATION, MALAYSIA***
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**
***(IMMIGRATION DEPARTMENT MALAYSIA)***
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
*15, 7TH FLOOR (PODIUM)*
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
*PERSIARAN PERDANA, PRECINT 2*
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
*FEDERAL TERRITORY, MALAYSIA*

Telefon : 603-8880 1005
Faks : 603-8880 1201
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

**"KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

Ruj: IM.101/HQ-H/969/9 Jld.6 (1)
Tarikh: 14 September 2020
26 Muharram 1442H

**Semua Pengarah Imigresen Negeri**

**Pengarah Imigresen KLIA**

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

**PINDAAN PROSEDUR BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR NEGARA DAN MASUK SEMULA KE MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengeluarkan arahan berkenaan prosedur warganegara Malaysia yang ingin keluar Negara dan masuk semula ke Malaysia melalui surat arahan rujukan IM.101/HQ-H/969/9 Jld.6 (1) bertarikh 10 September 2020. Sehubungan itu, berikut merupakan prosedur terkini bagi warganegara Malaysia yang ingin keluar negara dan masuk semula ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:

**2.1 Prosedur Keluar Negara**

i) Kategori yang **TIDAK PERLU** memohon kelulusan dari JIM:

- Diplomat dan petugas di kedutaan Malaysia yang ingin bertugas di luar negara termasuk tanggungan masing-masing.

WORLD AIRLINE WINNER SKYTRAX AWARDS 2013
IMMIGRATION KLIA
WORLD'S BEST
IMMIGRATION SERVICE
2010, 2011, 2013

ANUGERAH AGENSI SEKTOR AWAM TERBAIK MIM 2013

- Pelajar (menyambung pengajian dan baru mendapat tawaran belajar) termasuk tanggungan.
- Pelajar yang ingin mengambil peperiksaan.
- Pemegang Pas Jangka Panjang di luar Negara (Pemastautin Tetap / Pas Residen / Pas Kerja dan lain-lain) termasuk tanggungan.
- Bekerja dengan syarikat petroliam dan syarikat perkapalan dan perlu *sign-on* ke atas kapal di luar negara.
- Baru mendapat tawaran bekerja.

ii) Kategori yang dinyatakan di atas perlu menunjukkan dokumen sokongan yang berkaitan kepada pegawai imigresen semasa hendak keluar.

iii) Kategori yang **PERLU** memohon kelulusan dari JIM:

- Menghadiri mesyuarat / seminar / pameran / urusan perniagaan.
- Urusan kecemasan.
- Mengiring anak untuk belajar.

iv) Kategori yang **TIDAK DIBENARKAN** keluar negara:

- Melancong / bercuti.
- Lawatan biasa ke atas ahli keluarga.

2.2 **<u>Prosedur Masuk Semula ke Malaysia</u>**

i) Warganegara Malaysia yang berada di luar negara atau diberi kebenaran keluar dalam tempoh PKP adalah **DIBENARKAN** masuk ke Malaysia tanpa perlu memohon kelulusan dari JIM.

ii) Warganegara Malaysia dari negara yang disekat atau memegang pas lawatan jangka panjang dari negara yang dikenakan sekatan dibenarkan masuk ke Malaysia walaupun pernah keluar dalam tempoh PKP.

3. Sebagai panduan, bersama-sama ini dilampirkan garis panduan terkini bagi kemasukan warganegara Malaysia dan warganegara asing ke Malaysia. Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. YBhg. Dato'/Datuk/Datu/Tuan/Puan diminta untuk memaklumkan kepada semua pegawai seliaan yang bertugas di pintu masuk berkenaan arahan ini. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"INTEGRITI PROFESIONAL MESRA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' INDERA KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)**

**SALINAN KEPADA:**

1) Menteri Kanan Pertahanan
Kementerian Pertahanan Malaysia
Tingkat 5, Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak
**50634 KUALA LUMPUR**

2) Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Wisma Putra, No 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2,
**62602 PUTRAJAYA**

3) Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri, Blok D1, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran,Kerajaan Persekutuan,
**62546 PUTRAJAYA**

4) Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
**62590 PUTRAJAYA**

5) Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Aras B1, 6 & 7, Blok D5,
Kompleks D Pusat Pentadbiran Kerajaan, Presint 1,
**62502 PUTRAJAYA**

6) Chairman
Airlines Operator Comittee (AOC) KLIA & KLIA2
Lot N2-N3, Mezzanine Floor, Main Terminal Building,
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
64000 Sepang, **SELANGOR**

7) Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)

8) Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Operasi)

9) Semua Atase Imigresen

10) Pasukan Task-Force Covid-19 Kementerian Luar Negeri

LAMPIRAN

## PROSEDUR BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN KELUAR NEGARA DAN MASUK SEMULA KE MALAYSIA

| KELUAR NEGARA | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BIL. | KATEGORI | DIBENARKAN (TANPA MOHON KELULUSAN JIM) | MOHON KELULUSAN JIM | TIDAK DIBENARKAN |
| 1 | DIPLOMAT DAN PETUGAS DI KEDUTAAN MALAYSIA YANG INGIN BERTUGAS DI LUAR NEGARA TERMASUK TANGGUNGAN MASING-MASING | / | | |
| 2 | PELAJAR (MENYAMBUNG PENGAJIAN DAN BARU MENDAPAT TAWARAN BELAJAR) TERMASUK TANGGUNGAN | / | | |
| 3 | PELAJAR YANG INGIN MENGAMBIL PEPERIKSAAN | / | | |
| 4 | PEMEGANG PAS JANGKA PANJANG DI LUAR NEGARA (PEMASTAUTIN TETAP / PAS RESIDEN / PAS KERJA DAN LAIN-LAIN) TERMASUK TANGGUNGAN | / | | |
| 5 | BEKERJA DENGAN SYARIKAT PETROLIAM DAN SYARIKAT PERKAPALAN DAN PERLU *SIGN-ON* KE ATAS KAPAL DI LUAR NEGARA | / | | |
| 6 | BARU MENDAPAT TAWARAN BEKERJA | / | | |
| 7 | MENGHADIRI MESYUARAT / SEMINAR / PAMERAN / URUSAN PERNIAGAAN. | | / | |
| 8 | URUSAN KECEMASAN | | / | |
| 9 | MENGIRING ANAK UNTUK BELAJAR | | / | |
| 10 | MELANCONG / BERCUTI | | | / |
| 11 | LAWATAN BIASA KE ATAS AHLI KELUARGA | | | / |

| MASUK SEMULA KE MALAYSIA | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BIL. | KATEGORI | DIBENARKAN (TANPA MOHON KELULUSAN JIM) | MOHON KELULUSAN JIM | TIDAK DIBENARKAN |
| 1 | PERNAH / TIDAK PERNAH KELUAR DALAM TEMPOH PKP | / | | |

***Nota:**

i) Semua urusan lain selain daripada yang dinyatakan dalam jadual (Bil.1-6) perlu mendapatkan Kebenaran Keluar dari JIM termasuk yang pernah masuk dalam tempoh PKP

ii) Perlu menjalani ujian saringan COVID-19 dan kuarantin selama 14 hari setibanya di Malaysia